



# PANDUAN SISWA BAHARU

SIDANG AKADEMIK  
2024/2025

**KAMI MEMIMPIN**

[www.usm.my](http://www.usm.my)

Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok



## ISI KANDUNGAN

LATAR BELAKANG	3
PUSAT PENGAJIAN	4
VISI DAN MISI	5
LOKASI KAMPUS	6
PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI	7
1.0 PERATURAN DAN SYARAT TAWARAN KEMASUKAN SIDANG AKADEMIK 2024/2025	9
2.0 KAD SISWA	13
3.0 LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN	16
4.0 MAKLUMAT SISWA	28
5.0 PERATURAN YURAN SISWA	28
6.0 BANTUAN KEWANGAN	33
7.0 PROGRAM SISWA LESTARI	35
8.0 PENGINAPAN DALAM KAMPUS	36
9.0 PAKAIAN DAN PENAMPILAN	40
10.0 HEBAT DEVELOPMENT CENTRE	43
11.0 MAKLUMAT AKADEMIK	48
12.0 PERKHIDMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (ICT)	48
13.0 PERATURAN KENDERAAN BERMOTOR	54
14.0 PERLINDUNGAN INSURANS KEMALANGAN BERKELOMPOK	54
15.0 KEMUDAHAN DALAM KAMPUS	55
16.0 PENGURUSAN BENCANA (NERVE CENTRE) USM	65
17.0 PERTANYAAN	66
LAMPIRAN	71



## LATAR BELAKANG

**01**

Universiti Sains Malaysia (USM) adalah universiti kedua yang ditubuhkan di negara ini.

**02**

Terletak di Pulau Pinang, ia diisytiharkan sebagai Universiti Penyelidikan pada tahun 2006 dan diberi pengiktirafan status APEX pada tahun 2008.

**03**

USM juga dikenali sebagai 'Universiti dalam Taman' dengan suasana pemandangan kampusnya yang menarik, berlatarbelakangkan lautan.

**04**

Seramai 36,499 orang pelajar berdaftar sedang mengikuti pengajian di USM; pelajar Sarjana Muda berjumlah 21,418 manakala Ijazah Tinggi pula berjumlah 15,081.

**05**

Pelajar antarabangsa pula berada di dalam kalangan 25% dari jumlah keseluruhan pelajar di USM.

**06**

USM juga telah diberi pengiktirafan UNESCO sebagai 'PREFERRED UNIVERSITY' bagi program libatsama masyarakat.

**07**

Indeks Keceriaan USM menggambarkan secara keseluruhan perasaan 'suasana gembira' komuniti kampus di dalam persekitaran universiti ini.

**08**

Di USM, kami menekankan usaha mengintegrasikan bidang sains dan sastera ke arah membentuk individu-individu yang seimbang dan ceria.

## PUSAT PENGAJIAN

### KAMPUS INDUK

- 1 Pusat Pengajian Sains Kajihayat
- 2 Pusat Pengajian Sains Kimia
- 3 Pusat Pengajian Sains Matematik
- 4 Pusat Pengajian Sains Fizik
- 5 Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan
- 6 Pusat Pengajian Teknologi Industri
- 7 Pusat Pengajian Sains Farmasi
- 8 Pusat Pengajian Sains Komputer
- 9 Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
- 10 Pusat Pengajian Pengurusan
- 11 Pusat Pengajian Komunikasi
- 12 Pusat Pengajian Seni
- 13 Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan
- 14 Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
- 15 Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
- 16 Pusat Pengajian Sizwazah Perniagaan
- 17 Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh


### KAMPUS KEJURUTERAAN

- 1 Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
- 2 Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral
- 3 Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa
- 4 Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia
- 5 Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam
- 6 Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik

### KAMPUS KESIHATAN

- 1 Pusat Pengajian Sains Pergigian
- 2 Pusat Pengajian Sains Kesihatan
- 3 Pusat Pengajian Sains Perubatan

## VISI & MISI




### Visi

“Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok”

### Misi

USM merupakan universiti perintis, intensif penyelidikan rentas bidang yang memperkasakan bakat masa depan dan mengupayakan golongan terkebahaw demi mentransformasi kesejahteraan sosioekonomi mereka

# Lokasi Kampus





# Pengurusan Tertinggi Universiti



**Professor Dato' Seri Ir. Dr.  
Abdul Rahman Mohamed, FASc.**  
Naib Canselor



**Professor Dr.  
Habibah A. Wahab**  
Timbalan Naib Canselor  
Penyelidikan dan Inovasi



**Professor Dato' Gs. Dr.  
Narimah Samat**  
Timbalan Naib Canselor  
Akademik dan Antarabangsa



**Professor Dr.  
Shaharum Shamsuddin**  
Timbalan Naib Canselor  
Hal Ehwal Pembangunan  
Pelajar dan Alumni



**Professor Dr.  
Azlan Amran**  
Timbalan Naib Canselor  
Jaringan Industri dan Masyarakat



**Professor Dr.  
Shaiful Bahari Ismail**  
Pegawai  
Kampus Kesihatan



**Professor Datin Dr.  
Azlina Harun@Kamaruddin**  
Pegawai  
Kampus Kejuruteraan



**Encik Mohd Azizudin  
Mohd Shariff**  
Pendaftar



**Encik Rafizal Abd Rahim  
Bendahari**



**Puan Arinawati Ayob**  
Ketua Pustakawan



**Dr. Khairul Anuar  
Che Azmi**  
Penasihat Undang-Undang



**Professor Ir. Dr.  
Zainal Ahmad**  
Ombudsman



facebook.com /  
USMOfficial1969



twitter.com/  
USMOfficial1969



instagram.com /  
USMOfficial1969



youtube.com/USMTV

## 1.0 PERATURAN DAN SYARAT TAWARAN KEMASUKAN SIDANG AKADEMIK 2024/2025

Tawaran ini tertakluk kepada syarat dan peraturan di bawah :

- 1.1. Sebagai Siswa Berdaftar USM siswa tertakluk kepada syarat peraturan dan undang-undang berikut:
  - 1.1.1. Dikehendaki patuh kepada :
    - a. Semua Undang-Undang Negara;
    - b. Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU 1971) dan Perlembagaan Universiti Sains Malaysia;
    - c. Kaedah-kaedah Universiti Sains Malaysia (Disiplin dan Tatatertib Pelajar-Pelajar 1999);
    - d. Statut Universiti, Kaedah serta Peraturan Universiti termasuk yang berkaitan dengan Peraturan Pencalonan Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar;
    - e. Polisi dan keputusan Lembaga Gabenor Universiti, Senat Universiti, Pengurusan Tertinggi Universiti dan Majlis-Majlis Pusat Pengajian yang berkenaan;
  - 1.1.2. Mestilah bersedia membayar semua yuran pengajian dan yuran-yuran lain dalam tempoh yang ditetapkan tertakluk kepada Peraturan Kewangan Universiti.
  - 1.1.3. Dikehendaki sentiasa berpakaian kemas dan sesuai dengan keperluan program pengajian yang diikuti (rujuk etika kod pakaian).
  - 1.1.4. Dikehendaki mengambil bahagian dalam kegiatan akademik, kebudayaan, sukan, sosial, serta khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh universiti bagi memastikan keseimbangan sahsiah dan akademik.
- 1.2. Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (**Band 2**) dalam **Malaysian University English Test (MUET)** atau setaraf yang diluluskan oleh Senat Universiti mengikut program-program tertentu.

### **1.3. SYARAT TAMBAHAN SUSULAN PENULARAN PENYAKIT BERJANGKIT**

- 1.3.1. Siswa yang bergejala boleh mendapatkan rawatan pesakit luar di Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian), Klinik Panel USM atau Klinik Kesihatan berdekatan.
- 1.3.2. Siswa yang bergejala dibenarkan menghadiri Minggu Siswa Lestari dan mengikuti sesi pengajian dengan memakai pelitup muka.
- 1.3.3. Siswa yang disahkan menghidap penyakit berjangkit (COVID-19, Influenza, Demam Campak dan lain-lain) oleh mana-mana fasiliti kesihatan dan mendapat Sijil Cuti Sakit atau arahan kuarantin tidak boleh menghadiri Minggu Siswa Lestari dan mengikuti sesi pengajian sehingga tamat tempoh Sijil Cuti Sakit/kuarantin.
- 1.3.4. Sekiranya siswa disahkan menghidap penyakit berjangkit dan tidak menerima Sijil Cuti Sakit dari fasiliti kesihatan, maka boleh hadir ke Minggu Siswa Lestari dan sesi pengajian dengan memakai pelitup muka.
- 1.3.5. Siswa yang disahkan menghidap penyakit berjangkit boleh menghadiri peperiksaan, namun harus memaklumkan hal tersebut kepada pegawai pemeriksaan bagi tujuan penjarakan dalam susunan dewan peperiksaan.
- 1.3.6. Penggunaan pelitup muka di kampus adalah WAJIB bagi siswa yang bergejala.
- 1.3.7. Sebarang urusan pengendalian melibatkan penyakit berjangkit akan ditangani mengikut SOP yang ditetapkan oleh Unit Pengurusan Bencana USM (Nerve Centre) di talian 04-653 6771/6773 atau Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) di talian 04-653 4943/012-6434948.

1.3.8. Siswa dinasihatkan mengamalkan langkah-langkah pencegahan sejajar dengan saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) termasuklah:

- Mengamalkan pelitup muka di tempat yang sesak
- Mengamalkan etika batuk yang baik
- Cuci tangan dengan kerap
- Menjaga kebersihan diri dan persekitaran
- Memastikan pengudaraan yang baik

Siswa perlu menanggunghkan pendaftaran dan memaklumkan kepada Unit Pengambilan Pelajar, Bahagian Pengurusan Akademik, Jabatan Pendaftar serta mengemukakan dokumen berkaitan sekiranya:

- i) Mengalami gejala COVID-19 sebelum atau semasa hari pendaftaran.
- ii) Menerima Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di Rumah (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam tempoh 7 hari sebelum pendaftaran.
- iii) Sebarang urusan pengendalian melibatkan risiko COVID-19 akan ditangani mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Unit Pengurusan Bencana USM (Nerve Centre) dan boleh dihubungi di talian 04-6536124/6771.

1.4. Sekiranya siswa sedang bekerja, adalah menjadi tanggungjawab siswa untuk mendapatkan kebenaran majikan bagi mengikuti program pengajian yang ditawarkan.

1.5. Sekiranya siswa didapati dan dibuktikan telah atau sedang melakukan sebarang perkara yang bertentangan dengan syarat-syarat di atas, tindakan yang termaktub dalam peraturan dan undang-undang akan diambil.

1.6. Siswa juga hendaklah mengisytiharkan apa-apa penglibatan siswa dalam mana-mana persatuan, parti politik, kesatuan sekerja atau mana-mana perkumpulan semasa. Pada masa siswa menjadi Siswa Berdaftar, siswa adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang termaktub di bawah perkara 1.1.1 (b) di atas.

- 1.7. Siswa diwajibkan mengikuti Kursus Pimpin Siswa yang dianjurkan oleh pihak universiti. Tarikh dan tempat akan dimaklumkan kemudian oleh Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA), USM.
- 1.8. Nama siswa akan digugurkan atau dibatalkan dari USM, sekiranya didapati berstatus siswa di mana-mana Universiti Awam lain.
- 1.9. Siswa diwajibkan mengambil bahagian dalam semua aktiviti Program Siswa Lestari. Semua siswa Tahun 1 diwajibkan menginap di desasiswa sepanjang Program Siswa Lestari berlangsung.
- 1.10. Pihak Universiti berhak menolak permohonan ini, menarik kembali tawaran masuk atau mengarahkan siswa keluar dari Universiti Sains Malaysia dan penaja berhak menarik kembali tawaran biasiswa atau pinjaman pada bila-bila masa sekiranya mana-mana keterangan atau salinan sijil-sijil yang dikemukakan adalah tidak benar.
- 1.11. Siswa dikehendaki melapor diri sebagai siswa pada tarikh yang ditetapkan. Sekiranya gagal berbuat demikian, mereka hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftar secara bertulis. Sekiranya pihak universiti tidak menerima sebarang maklumbalas dalam tempoh dua (2) minggu, tawaran pengajian secara automatik akan ditarik semula.

## **PERINGATAN**

Pihak universiti tidak akan menghantar sebarang peringatan kepada siswa mengenai tawaran kemasukan. Tawaran ini akan ditarik balik jika siswa gagal memenuhi syarat tersebut di atas.

## 2.0 KAD SISWA

Kad Siswa adalah kad pengenalan rasmi Siswa USM. Siswa diwajibkan memakai dan mempamerkan kad ini sebagai pengenalan diri sepanjang masa ketika berada di dalam kampus dan untuk semua urusan rasmi dengan pihak universiti. Kad siswa tidak boleh dipindah milik atau diberikan untuk kegunaan pihak lain. Permohonan Kad siswa terbahagi kepada beberapa kategori berikut:

- A. Siswa Baharu Mendaftar:** Siswa **DIWAJIBKAN** memuat naik **gambar berukuran pasport berlatarbelakangkan warna putih** semasa membuat pengesahan terima tawaran kemasukan. Sila rujuk menu “Pendaftaran Kad Siswa” di portal tawaran kemasukan (<https://pohon.usm.my>). Sila semak emel bagi mengetahui status muat naik gambar. Gambar yang tidak diterima/ditolak perlu dimuat naik dalam tempoh yang ditetapkan.
  
- B. Kes Kehilangan Kad:** Siswa perlulah membuat laporan di Pejabat Jabatan Keselamatan sebelum mengemukakan Borang Permohonan Kad Siswa Baharu bersama-sama laporan kehilangan kad.
  
- C. Permohonan Baharu:** Bagi kes kerosakan kad atau pertukaran program, siswa perlu menyerahkan kad siswa sedia ada bersama-sama borang Permohonan Kad Siswa Baharu. Permohonan Kad Siswa Baharu bagi kategori B dan C akan dikenakan bayaran sebanyak RM30.00 di <https://epayment.usm.my>. Bayaran perlu dibuat sebelum menyerahkan borang permohonan. Lokasi kaunter permohonan kad baharu adalah seperti berikut:
  - i. Kampus Induk**  
Kaunter Unit Pengambilan Pelajar, Aras 2, Bangunan Canselori, USM Kampus Induk, Pulau Pinang.
  
  - ii. Kampus Kejuruteraan**  
Bilik *Smart Card* Bangunan Pentadbiran, USM Kampus Kejuruteraan, Nibong Tebal, Pulau Pinang.
  
  - iii. Kampus Kesihatan**  
Bilik Kad Pintar, Aras 1, Jabatan Pendaftar, USM Kampus Kesihatan, Kubang Kerian, Kelantan.

#### D. Pembukaan Akaun Simpanan (RHB Pro Savings Account- I):

Semua pelajar baru boleh hadir ke mana-mana cawangan RHB di seluruh negara untuk membuka akaun Simpanan-I Pro RHB ("RHB Pro Savings Account-I") sebelum melakukan pendaftaran di Universiti Awam masing- masing.

##### i. Pembukaan Akaun bagi Pelajar Sedia Ada (Warganegara Malaysia):

Proses pembukaan akaun pelajar masih boleh dilakukan menerusi Pembukaan Akaun Secara Pukul ("Bulk Account Opening-BAO") yang mana persetujuan ("consent") pelajar perlu diperolehi oleh universiti sebelum data dihantar kepada pihak RHB; atau Pelajar boleh hadir ke mana-mana Cawangan RHB diseluruh negara untuk proses pembukaan akaun Simpanan-I Pro RHB. Pelajar perlu membawa bersama kedua perkara berikut:

- Kad Pengenalan Asal
- Surat Pengesahan Pelajar Universiti ("Student Confirmation Letter"/ Surat Tawaran ke Universiti)

##### ii. Pembukaan Akaun bagi Pelajar Sedia Ada (Bukan Warganegara Malaysia/ Pelajar Antarabangsa).

Proses pembukaan akaun pelajar bukan warganegara terutama pelajar dari negara berisiko tinggi yang telah menghantar data bagi Pembukaan Akaun Secara Pukul ("Bulk Account Opening-BAO") dihentikan buat masa ini. Bagi pelajar bukan warganegara yang **telah dihantarkan BAO tetapi belum menerima SMS/ Emel pembukaan akaun**, pelajar diminta untuk ke mana-mana cawangan RHB untuk proses pembukaan akaun. Bagi pelajar bukan warganegara yang **belum membuka akaun Simpanan-I Pro RHB** ("RHB Pro Savings Account-I"), pelajar diminta untuk ke mana-mana cawangan RHB untuk proses pembukaan akaun. Pelajar boleh ke mana-mana Cawangan RHB diseluruh negara untuk proses pembukaan akaun Simpanan-I Pro RHB. Pelajar perlu membawa bersama kedua perkara berikut:

- Passport Asal yang tarikh tamat tempoh melebihi 6 bulan
- Surat Pengesahan Pelajar Universiti ("Student Confirmation Letter")

##### iii. Bagi pelajar yang bercadang ke cawangan RHB untuk proses



pembukaan akaun, pelajar dinasihati untuk membuat temu janji menerusi aplikasi RHB eQMS yang boleh didapati menerusi pautan <https://www.rhbgroup.com/qms/index.html> bagi mengelakkan pelajar perlu menunggu giliran yang lama di cawangan.

iv. Berikut merupakan tatacara pembukaan akaun (Rujuk **LAMPIRAN I**):

- Langkah-langkah Pembukaan Akaun Simpanan I-Pro RHB

## 3.0 LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

### 3.1 Siswa Kampus Induk

#### Laporan Pemeriksaan Kesehatan & Borang Deklarasi Kesehatan

- Semua pelajar tempatan dan antarabangsa **DIWAJIBKAN** menjalani pemeriksaan kesehatan di Pusat Sejahtera (Kesehatan & Pergigian), USM.
- Pelajar tempatan dan antarabangsa dikehendaki membuat janji temu melalui sistem Pohon@USM bagi menjalani pemeriksaan kesehatan di Pusat Sejahtera (Kesehatan & Pergigian) tertakluk kepada keputusan Universiti. Pelaiar boleh memuat turun Slip Temujanji untuk dibawa semasa hari janji temu. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-653 4902 / 04-653 4903 / 04-653 4595.
- Pelajar **DIWAJIBKAN** untuk mengisi dan dan memuat turun **BORANG DEKLARASI KESIHATAN ATAS TALIAN** (<https://pohon.usm.my/portal/index.php/Hebahan>) serta membawa bersama **KAD PENGENALAN / PASPOT** semasa pemeriksaan kesehatan).

#### Maklumat Penting

- Pelajar **HENDAKLAH** menyimpan laporan kesehatan (sekiranya ada) selama 3 bulan dari tarikh pemeriksaan kesehatan untuk keperluan universiti.
- Jika ada keperluan untuk pemeriksaan lanjut, pelajar dikehendaki membiayai sendiri segala perbelanjaan dan tidak akan ditanggung oleh pihak universiti.
- Keperluan pemeriksaan kesehatan adalah tertakluk kepada hebahan terkini pihak universiti dari semasa ke semasa.

## Perkhidmatan Perubatan

Jenis Rawatan	Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa
Kecemasan	Percuma	Percuma
Penyakit Akut	Percuma	Tanggungjawab Sendiri Atau Insurans Kesihatan
Penyakit Kronik	Tidak Layak	Tanggungjawab Sendiri Atau Insurans Kesihatan

### # Tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar

- Surat Jaminan ke hospital/klinik kerajaan hanya dikeluarkan kepada pelajar tempatan bagi rawatan yang layak, tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar. Surat Jaminan ke Hospital Kerajaan hanya dikeluarkan kepada siswa bagi rawatan yang layak tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar.
- Tanggungjawab pelajar tempatan dan antarabangsa boleh mendapatkan rawatan perubatan di Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) dan fasiliti kesihatan USM. Rawatan perubatan Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) dan fasiliti kesihatan USM akan dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan untuk setiap lawatan.
- Pelajar tempatan dan antarabangsa dikehendaki mendaftarkan tanggungjawab mereka dengan pusat pengajian masing-masing sebelum mendapatkan rawatan di Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian).

## Perkhidmatan Pergigian

Jenis Rawatan	Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa
Perkhidmatan Pergigian Biasa	Percuma (Kecuali Untuk Rawatan Akar Dan Cabutan Gigi Secara Pembedahan)	Tanggungannya Sendiri Atau Insurans Kesihatan

- Janji temu untuk mendapatkan rawatan pergigian boleh dibuat melalui Campus Online (eDental) atau menghubungi Unit Pergigian di talian 04-653 4928 (waktu pejabat).
- Tanggungan pelajar tempatan dan antarabangsa boleh mendapatkan rawatan pergigian di Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) dan fasiliti kesihatan USM. Rawatan pergigian di Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian) dan fasiliti kesihatan USM akan dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan untuk setiap rawatan.
- Pelajar tempatan dan antarabangsa dikehendaki mendaftarkan tanggungan mereka dengan pusat pengajian masing-masing sebelum mendapatkan rawatan di Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian).

### Klinik Panel Yang Dilantik USM

- Pelajar tempatan boleh mendapatkan rawatan perubatan di klinik panel yang dilantik oleh USM maksima 6 kali bagi satu sidang (tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa).

### Waktu Perkhidmatan Pusat Sejahtera

Perkhidmatan Perubatan	
Hari	Waktu
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi - 1.00 tengah hari 2.00 petang - 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 petang - 5.00 petang

\*Pendaftaran klinik adalah sebelum jam 12.30 tengahari untuk sesi pagi dan sebelum jam 4.30 petang untuk sesi petang

### Klinik Panel Siswa (Ditutup Semasa Cuti Semester)


Hari	Waktu
Isnin hingga Jumaat	5.00 petang - 7.00 petang

\*Pendaftaran klinik sebelum jam 6.30 petang

### Perkhidmatan Pergigian

Hari	Waktu
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi - 1.00 tengah hari 2.00 petang - 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 petang - 5.00 petang

### PERKHIDMATAN KECEMASAN KAMPUS INDUK UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



**TALIAN KECEMASAN SEMASA WAKTU PEJABAT**  
04-653 3999 (Pusat Sejahtera)

**TALIAN KECEMASAN SELEPAS WAKTU PEJABAT**  
Penggawa Desasiswa masing-masing  
atau  
04-653 4333 (24 jam) Jabatan Keselamatan

## Maklumat Tambahan Penjagaan Kesihatan

- Pelajar diminta patuh kepada Garis Panduan Kemasukan Pelajar ke kampus yang akan ditentukan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa. Oleh itu, pelajar diminta untuk sentiasa peka dengan hebahan universiti
- Pelajar dinasihatkan mengelakkan 3C (Crowded Place, Confined Space, Close Conversation) dan mengamalkan 3W (Wash, Wear, Warn).
- Pelajar **DINGATKAN SUPAYA SENTIASA** membasuh tangan dan mengamalkan etika batuk yang betul.

## Pusat Sejahtera (Kesihatan & Pergigian)



Universiti Sains Malaysia 11800  
USM, Pulau Pinang, Malaysia.



5°21'34.5"N 100°18'10.1"E



604-6534937/ 4938



dir-pk@usm.my



Pusat Sejahtera USM



pusatsejahteraofficial

## 3.2 Siswa Kampus Kejuruteraan

### Laporan Pemeriksaan Kesihatan & Borang Deklarasi Kesihatan

- Semua pelajar tempatan dan antarabangsa DIWAJIBKAN menjalani pemeriksaan kesihatan di Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan, USM
- Pelajar tempatan dan antarabangsa dikehendaki membuat janji temu melalui sistem Pohon@USM bagi menjalani pemeriksaan kesihatan di Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan, USM. tertakluk kepada keputusan Universiti. Pelajar boleh memuat turun Slip Temujanji untuk dibawa semasa hari janji temu. Sebarang pertanyaan sila hubungi 04-599 5201 / 04-599 5202
- Pelajar DIWAJIBKAN untuk mengisi dan memuat turun BORANG DEKLARASI KESIHATAN ATAS TALIAN (<https://pohon.usm.my/portal/index.php/Hebahan> serta membawa bersama KAD PENGENALAN / PASPOT semasa pemeriksaan kesihatan)

### Maklumat Penting

- Pelajar HENDAKLAH menyimpan laporan kesihatan (sekiranya ada) selama 3 bulan dari tarikh pemeriksaan kesihatan untuk keperluan universiti.
- Jika ada keperluan untuk pemeriksaan lanjut, pelajar dikehendaki membiayai sendiri segala perbelanjaan dan tidak akan ditanggung oleh pihak universiti.
- Keperluan pemeriksaan kesihatan adalah tertakluk kepada hebahan terkini pihak universiti dari semasa ke semasa.

### Perkhidmatan Perubatan

Jenis Rawatan	Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa
Kecemasan	Percuma	Percuma
Penyakit Akut	Percuma	Tanggungannya Sendiri Atau Insurans Kesihatan
Penyakit Kronik	Tidak Layak	Tanggungannya Sendiri Atau Insurans Kesihatan

# Tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar

- Surat Jaminan ke hospital/klirik kerajaan hanya dikeluarkan kepada pelajar tempatan bagi rawatan yang layak, tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar. Surat Jaminan ke Hospital Kerajaan hanya dikeluarkan kepada siswa bagi rawatan yang layak tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar.
- Tanggungan pelajar tempatan dan antarabangsa boleh mendapatkan rawatan perubatan di Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan, USM dan fasiliti kesihatan USM. Rawatan perubatan di Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan, USM dan fasiliti kesihatan USM akan dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan untuk setiap lawatan.
- Pelajar tempatan dan antarabangsa dikehendaki mendaftarkan tanggungan mereka dengan pusat pengajian masing-masing sebelum mendapatkan rawatan di Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan, USM

### Perkhidmatan Pergigian

Jenis Rawatan	Pelajar Tempatan	Pelajar Antarabangsa
Perkhidmatan Pergigian Biasa	Percuma (Kecuali Untuk Rawatan Akar Dan Cabutan Gigi Secara Pembedahan)	Tanggungannya Sendiri Atau Insurans Kesihatan

- Janji temu untuk mendapatkan rawatan pergigian boleh dibuat di Kaunter Pergigian, atau melalui whatsapp di talian 011-6993 6430 atau menghubungi Kaunter Pergigian di talian 04-599 5210 (waktu pejabat).
- Tanggungan pelajar tempatan dan antarabangsa boleh mendapatkan rawatan pergigian di Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan, USM dan fasiliti kesihatan USM. Rawatan pergigian di Unit Kesihatan, Kampus Kejuruteraan, USM dan fasiliti kesihatan USM akan dikenakan bayaran mengikut kadar yang ditetapkan untuk setiap lawatan.
- Pelajar tempatan dan antarabangsa dikehendaki mendaftarkan tanggungan sebelum mendapatkan Kejuruteraan, USM dengan pusat pengajian masing-masing rawatan di Unit Kesihatan, Kampus



## Klinik Panel yang Dilantik USM

Pelajar tempatan boleh mendapatkan rawatan perubatan di klinik panel yang dilantik oleh USM maksima 6 kali bagi satu sidang (tertakluk kepada pindaan dari semasa semasa).

### Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan.

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi - 1.00 tengah hari 2.00 petang - 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 petang - 5.00 petang

\*Pendaftaran klinik adalah sebelum jam 12.30 tengahari untuk sesi pagi dan sebelum jam 4.30 petang untuk sesi petang

### Klinik Panel Siswa


HARI	WAKTU
Isnin hingga Jumaat	5.00 petang - 7.00 petang

\*Pendaftaran klinik sebelum jam 6.30 petang

### Perkhidmatan Pergigian

HARI	WAKTU
Isnin hingga Khamis	8.00 pagi - 1.00 tengah hari 2.00 petang - 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi - 12.15 tengah hari 2.45 petang - 5.00 petang

## Perkhidmatan Kecemasan Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia

	<b>TALIAN KECEMASAN SEMASA WAKTU PEJABAT</b>
	<b>04-599 5091 ( Unit Kesihatan)</b>
	<b>TALIAN KECEMASAN SELEPAS WAKTU PEJABAT</b>
	<b>Penggawa / Penolong Peggawa Desasiswa atau 04-599 5033 (24 jam) Jabatan Keselamatan</b>

### Maklumat Tambahan Penjagaan Kesihatan

- Pelajar diminta patuh kepada Garis Panduan Kemasukan Pelajar ke kampus yang akan ditentukan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa. Oleh itu, pelajar diminta untuk sentiasa peka dengan hebahen universiti
- Pelajar dinasihatkan mengelakkan 3C (Crowded Place, Confined Space, Close Conversation) dan mengamalkan 3W (Wash, Wear, Warn).
- Pelajar **DINGATKAN SUPAYA SENTIASA** membasuh tangan dan mengamalkan etika batuk yang betul.

### Unit Kesihatan Kampus Kejuruteraan, USM.



Unit Kesihatan, Universiti Sains  
Malaysia, Kampus Kejuruteraan,  
14300, Nibong Tebal,  
Pulau Pinang, Malaysia.



604-599 5201/5202



uk.sejahtera@usm.my




Unit Kesihatan USM,  
Kampus Kejuruteraan



unitkesihatanusmkj

### 3.3 Siswa Kampus Kesihatan

#### Laporan Pemeriksaan Kesihatan *Routine Medical Examination (RME)*

Siswa Kampus Kesihatan	
A	Semua siswa baharu yang mendaftar di kampus kesihatan USM (termasuk pelajar program perubatan KLE tajaan MARA/JPA) dikehendaki melakukan pemeriksaan kesihatan (RME) di <b>Klinik Rawatan Keluarga (KRK) Hospital Universiti Sains Malaysia</b> .
B	Siswa yang ingin membuat pemeriksaan kesihatan sebelum hari pendaftaran / melaporkan diri boleh menghubungi <b>Kaunter KRK Hospital USM</b> di talian: <b>09-7673331 untuk temujanji</b> .
C	Sila lengkapkan borang laporan pemeriksaan kesihatan (lampiran A) sebelum menjalani pemeriksaan kesihatan.
D	Semasa menjalani pemeriksaan kesihatan. Sila bawa: <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Surat tawaran</li> <li>➤ Borang pemeriksaan kesihatan (lampiran A)</li> <li>➤ Gambar berukuran pasport (2 keping)</li> <li>➤ Sajian laporan penyakit / masalah kesihatan (jika ada)</li> </ul>
	<p>Jika didapati ada keperluan untuk menjalani ujian penyiasatan lain, siswa dikehendaki membiayai sendiri segala perbelanjaan tersebut dan tidak akan ditanggung oleh Universiti.</p> <p>Keperluan Pemeriksaan Kesihatan adalah tertakluk kepada hebahan terkini pihak Universiti dari masa ke semasa.</p>

## Kemudahan Kesihatan Siswa

Waktu Perkhidmatan Klinik Bagi Kemudahan Kesihatan Siswa:

### Klinik Warga USM

HARI	WAKTU
Ahad - Rabu	8.10 pagi - 1.00 tengah hari 2.00 petang - 5.10 petang
Khamis	8.10 pagi - 1.00 petang 2.00 petang - 3.40 petang

### Klinik Rawatan Keluarga Pergigian (KRK-G)

HARI	WAKTU
Ahad - Rabu	8.10 pagi - 1.00 tengah hari

- Pendaftaran klinik adalah sebelum pukul 12.00 tengahari utk sesi pagi dan sebelum pukul 4.00 petang untuk sesi petang ( khamis 3.00 petang)
- Temujanji untuk mendapatkan rawatan boleh dibuat di kaunter klinik tersebut atau menghubungi talian 09-7673555 ( Klinik Warga) dan 09-7673709 / 3720 (KRK-G).

## PERKHIDMATAN KECEMASAN KAMPUS KESIHATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**TALIAN KECEMASAN (24 JAM)**



**Pengguna Desasiswa masing-masing**

**Jabatan Keselamatan**

**09-7673999 / 5999**

**Jabatan Kecemasan, Hospital USM**

**09-7673232**

## Skim Perkhidmatan Perubatan Siswa USM

### Perkhidmatan Perubatan

- Siswa layak mendapat kemudahan perubatan secara PERCUMA di Hospital USM, fasiliti kesihatan USM dan Hospital Kerajaan sahaja. (tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar).
- Surat Jaminan ke Hospital Kerajaan hanya dikeluarkan kepada siswa bagi rawatan yang layak tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar.
- Tanggungan siswa boleh mendapatkan rawatan perubatan di Hospital USM dan fasiliti kesihatan USM atas pembiayaan sendiri dengan kadar yang ditetapkan.

### Perkhidmatan Pergigian

- Siswa layak mendapat kemudahan pergigian secara PERCUMA di Klinik Perkhidmatan Pergigian Hospital USM (tertakluk kepada Polisi Skim Perubatan Pelajar)
- Tanggungan siswa boleh mendapat rawatan di Klinik Perkhidmatan Pergigian Hospital USM atas pembiayaan sendiri dengan kadar yang ditetapkan



Hospital Universiti Sains Malaysia,  
Kampus Kesihatan,  
Universiti Sains Malaysia,  
16150 Kubang Kerian, Kelantan



09-767 3000



09-767 3020



hospitalusm@usm.my



www.hospital.usm.my

Untuk sebarang pertanyaan berkenaan RME sila hubungi:

### Klinik Rawatan Keluarga, Hospital USM



09-7673331/3497



wannazlee@usm.my

## 4.0 MAKLUMAT SISWA

Siswa perlu mengemukakan salinan kad pengenalan dalam format Adobe Acrobat (pdf) dan memuat naik melalui laman web <https://pohon.usm.my> . Sila pilih menu **MUAT NAIK SALINAN MyKAD**.

## 5.0 PERATURAN YURAN SISWA

### 5.1 Jenis Yuran Siswa

Yuran Siswa terbahagi kepada lima (5) komponen berikut:

#### a. Yuran Pendaftaran

Dikenakan **hanya sekali sahaja** kepada semua siswa baharu dan perlu dibayar semasa menerima tawaran Universiti. Bagi siswa **Bukan Warganegara**, Yuran Pendaftaran ini adalah termasuk Jaminan Diri sebanyak USD1,000.00. Jaminan Diri ini akan dikembalikan sekiranya bergraduasi/ tarik diri setelah mengambil kira tunggakan hutang kepada Universiti. Yuran pendaftaran tidak akan dikembalikan sekiranya siswa menarik diri dari pengajian.

Kadar Yuran Pendaftaran mengikut program adalah seperti berikut:

PROGRAM	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA
	(RM)	(USD)
Sains	720.00	1,325.00
Sastera	720.00	1,325.00
Pendidikan	820.00	1,325.00
Kejuruteraan	720.00	1,325.00
Kesihatan	720.00	1,325.00
Perubatan/ Pergigian/ Kejururawatan	840.00	1,325.00

## b. Yuran Pengajian

Dikenakan setiap semester kepada Siswa Baharu dan Siswa Berdaftar yang aktif mengikut program seperti di **LAMPIRAN B(1)** bagi yuran pengajian saluran perdana (UPU) dan di **LAMPIRAN B(2)** bagi yuran pengajian saluran USM+1..

## c. Yuran Kebajikan & Kemudahan Siswa

Dikenakan setiap semester kepada Siswa Baharu dan Siswa Berdaftar yang aktif mengikut program seperti berikut:

PROGRAM	WARGANEGARA	BUKAN WARGANEGARA
	(RM)	(USD)
Sains	550.00	112.50
Sastera	550.00	112.50
Pendidikan	550.00	112.50
Kejuruteraan	480.00	95.00
Kesihatan/Kejururawatan	480.00	95.00
Perubatan/ Pergigian	630.00	132.50

## d. Yuran Pengijazahan

Dikenakan sekali sahaja **pada tahun akhir pengajian** seperti berikut:

- i. **Yuran Pengijazahan pada kadar RM200.00** kepada siswa Warganegara dan Bukan Warganegara.
- ii. **Yuran Pendaftaran Profesional** dikenakan **pada kadar RM50.00** kepada siswa Warganegara **tahun akhir pengajian** bagi **program Kejuruteraan**. siswa bukan warganegara yang berminat untuk bekerja di Malaysia bagi program kejuruteraan juga dikenakan pada kadar USD12.50 pada tahun ketiga pengajian. Kadar ini adalah tertakluk kepada perubahan oleh The Board of Engineers Malaysia (BEM).

## e. Yuran Desasiswa

Dikenakan setiap semester atau bulan kepada siswa yang menginap di desasiswa mengikut kategori bilik penginapan seperti di **LAMPIRAN B(1)**.

### Nota:

Kadar yuran siswa adalah tertakluk kepada pindaan oleh Universiti

## 5.2 Pembayaran

### 5.2.1 Kaedah Bayaran

Siswa perlu membuat pembayaran secara atas talian melalui portal **<https://pohon.usm.my>** bagi Siswa Baharu dan portal **<https://epayment.usm.my>** bagi siswa berdaftar. Kemudahan ini menyediakan bayaran melalui penggunaan kad kredit MasterCard/Visa dan perbankan internet (FPX) dengan penglibatan bank tempatan dan antarabangsa. Pautan ke [epayment@usm](mailto:epayment@usm) turut disediakan bersama paparan Invois Yuran Pengajian.

Sila pastikan bahawa pembayaran diselesaikan sebelum hari pendaftaran.

### 5.2.2 Tempoh Bayaran

Semua yuran perlu dibayar sepenuhnya **sebelum pendaftaran** bagi Siswa Baharu dan **dalam tempoh dua (2) minggu** dari tarikh permulaan semester bagi Siswa Berdaftar.

### 5.2.3 Capaian Invois

Invois Yuran Pengajian boleh dimuat turun melalui portal **<https://pohon.usm.my>** bagi Siswa Baharu dan portal **<https://campusonline.usm.my>** bagi Siswa Berdaftar.



### 5.3 Tunggakan Yuran

Tindakan berikut akan diambil ke atas mana-mana siswa yang mempunyai tunggakan yuran:

- Menghalang dari menduduki peperiksaan
- Menahan keputusan peperiksaan
- Menghalang pendaftaran untuk semester berikutnya
- Menahan surat pengesahan graduan
- Menahan skrip keputusan peperiksaan dan skrol ijazah

### 5.4 Pertanyaan

Sebarang pertanyaan atau maklumat yang berkaitan yuran, sila hubungi talian, faks atau emel di bawah:

KAMPUS	BUTIRAN
Induk	<p><b>Alamat:</b> Unit Kewangan Pelajar Bursary@USM Bangunan D12, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang</p>
	<p><b>Waktu operasi:</b> Isnin – Khamis 8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang</p> <p>Jumaat 8.30 pagi – 12.15 tengahari 2.45 petang – 4.30 petang</p>
	<p><b>Direktori:</b> Tel: 04-653 3770 Email: kewangan_pelajar@usm.my</p>

<b>Kejuruteraan</b>	<b>Alamat:</b> Unit Kewangan Pelajar Jabatan Bendahari Aras 1, Bangunan Pentadbiran, Universiti Sains Malaysia, Kampus Kejuruteraan, 14300 Nibong Tebal, Pulau Pinang
	<b>Waktu operasi:</b> Isnin – Khamis 8.30 pagi – 1.00 tengahari 2.00 petang – 4.30 petang  Jumaat 8.30 pagi – 12.15 tengahari 2.45 petang – 4.30 petang
	<b>Direktori:</b> Tel : 04-599 5024 Email: pelajar_eng@usm.my

<b>Kesihatan</b>	<b>Alamat:</b> Unit Kewangan Pelajar Jabatan Bendahari Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia, 16150 Kubang Kerian, Kelantan
	<b>Waktu operasi:</b> Ahad-Rabu 8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 4.30 petang  Khamis 8.30 pagi – 1.00 petang 2.00 petang – 3.30 petang
	<b>Direktori:</b> Tel: 09-767 2111 : 09-767 2127 Email: studentkck@usm.my

## 6.0 BANTUAN KEWANGAN

### 6.1 Jenis Bantuan Kewangan

Pinjaman Pembiayaan Pembelajaran	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)</li> <li>Pinjaman Negeri/Swasta/Badan Berkanun</li> </ul>
Biasiswa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)</li> <li>Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)</li> <li>Syarikat Swasta/ Badan Korporat</li> </ul>
Dermaisiswa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Yayasan Negeri/Swasta/Korporat/Badan Berkanun</li> <li>Pusat Zakat Negeri</li> </ul>
Bantuan Kewangan Peringkat Universiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tabung Tan Sri Azman Hashim</li> <li>Wang Ehsan</li> <li>Zakat</li> <li>Pinjaman Jangka Panjang</li> </ul>

Hebahan/iklan akan dibuat dari semasa ke semasa melalui lama web rasmi BHEPA:

 <b>Laman Web</b>		<a href="https://hepa.usm.my/">https://hepa.usm.my/</a>
		<a href="http://www.ptptn.gov.my">www.ptptn.gov.my</a>
		<a href="http://esilav2.jpa.gov.my">http://esilav2.jpa.gov.my</a>

  
**Laman Facebook**

#### BHEPA USM

<https://www.facebook.com/BhepaUSM>

BHEPA Biasiswa & Pinjaman  
<https://www.facebook.com/sponsorship.usm/>

BHEPA Biasiswa & Pinjaman 2  
<https://www.facebook.com/biasiswadanpinjaman>

## 6.2 Permohonan Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)



### SILA AMBIL PERHATIAN

**Wang Pendahuluan Pengajian (WPP)** yang diperoleh daripada pihak **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)** tidak bermaksud siswa telah mendapat bantuan kewangan daripada badan tersebut. Wang tersebut merupakan pendahuluan kepada siswa untuk menjelaskan yuran universiti semasa pendaftaran diri dan bukan jaminan bagi siswa mendapatkan pinjaman sepanjang tempoh pengajian. Setiap siswa hanya diperuntukkan satukali sahaja WPP ini.

## 7.0 PROGRAM SISWA LESTARI

Siswa baharu **DIWAJIBKAN** mengikuti aktiviti yang telah dirancang oleh pihak universiti sepanjang Program Siswa Lestari berlangsung. Sebarang unsur perpeloncoan (ragging) dengan apa-apa cara sekalipun **DIHARAMKAN**. Sila laporkan ke **Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPA)** atau **pihak Pengurusan Desasiswa** sekiranya perkara seperti itu dilakukan terhadap siswa.

Pelajar boleh merujuk jadual Program Siswa Lestari bagi Kampus Induk, Kejuruteraan dan Kesihatan di **LAMPIRAN C**.

### 7.1 PENDAFTARAN DIRI

Semua siswa baharu **DIWAJIBKAN** mendaftar diri di desasiswa atau secara dalam talian yang ditetapkan. Siswa dengan rasminya menjadi siswa berdaftar universiti setelah melalui aktiviti pendaftaran diri (tertakluk perubahan semasa).

## 8.0 PENGINAPAN DALAM KAMPUS

### 8.1 Desasiswa

Semua siswa baharu diberi tempat penginapan di Desasiswa (Asrama) di dalam kampus yang telah ditetapkan sepanjang Sidang Akademik 2024/2025 (2 Semester sahaja).

### 8.2 Lapor Diri di Desasiswa

a. Berikut adalah maklumat Sesi Pendaftaran di Desasiswa:-

#### 8.2.1 Kampus Induk

TARIKH	MASA	DESASISWA	JANTINA
4 Oktober 2024 (Jumaat)	(8.30 pagi - 5.00 petang)	Saujana (Tel: 04-653 4463 / 5454/ 5452)	Perempuan
5 Oktober 2024 (Sabtu)	(8.30 pagi - 12.30 tengah hari)	Tekun (Tel: 04-653 4453 / 4451 / 6219)  Aman Damai (Tel: 04-653 3202 / 3203)  Indah Kembara (Tel: 04-653 2489 / 2512)	Lelaki
	(2.00 petang - 5.00 petang))	Tekun (Tel: 04-653 4453 / 4451 / 6219)  Aman Damai (Tel: 04-653 3202 / 3203)  Indah Kembara (Tel: 04-653 2489 / 2512)	Perempuan

6 Oktober 2024 (Ahad)	(8.30 pagi – 12.30 tengah hari)	Restu (Tel: 04-653 4465 / 2739/ 4467)  Cahaya Gemilang Harapan (Tel: 04-653 5494 / 2347 / 4114)	Lelaki  Perempuan
	2.00 petang – 5.00 petang)	Restu (Tel: 04-653 4465 / 2739/ 4467)	Perempuan

### 8.2.2 Kampus Kejuruteraan

TARIKH	MASA	DESASISWA
6 Oktober 2024 (Ahad)	(8.00 pagi – 5.30 petang)	Desasiswa Jaya/ Lembaran Utama (Tel TEL: 04-599 5514 / 5515 / 5504/ 5505 )

### 8.2.2 Kampus Kesihatan

TARIKH	MASA	DESASISWA
5 Oktober 2024 (Sabtu)	(8.00 pagi – 5.30 petang)	Desasiswa Nurani / Murni (Tel: 09-767 1160 / 1163 / 1164 / 1170 / 1171)

Maklumat kepada pelajar baharu:

- a. Sila bawa satu salinan surat tawaran untuk urusan pendaftaran masuk ke desasiswa.
- b. Rujuk jadual pendaftaran desasiswa yang diberikan untuk maklumat pendaftaran masuk ke desasiswa.
- c. Hubungi Pusat Penginapan dan Perumahan Universiti (HAC) di talian 04-6534456/6247/2535 sekiranya tiada maklumat desasiswa dalam surat tawaran atau hal lain yang berkaitan dengan penginapan desasiswa.
- d. Semua pelajar baharu wajib menginap/tinggal di desasiswa sepanjang program Minggu Siswa Lestari berlangsung.
- e. Sila rujuk peraturan-peraturan USM (Desasiswa) melalui imbas QR seperti dibawah :



Scan Me



## 8.3 Sistem Pendaftaran di Desasiswa (Kampus Induk)

### Tatacara Pendaftaran Desasiswa

Pelajar baharu mengambil kunci bilik penginapan di Desasiswa masing-masing



1

#### LANGKAH 01

Pelajar mengimbas kod QR MyDaftar yang terpapar di atas surat tawaran menggunakan peranti yang disediakan di Desasiswa.

2

#### LANGKAH 02

Pelajar menyerahkan salinan surat tawaran dan salinan kad pengenalan/pasport kepada petugas desasiswa. Pelajar perlu menulis nombor telefon bimbit mereka di atas salinan surat tawaran.

3

#### LANGKAH 03

Petugas desasiswa mengambil salinan surat tawaran serta salinan kad pengenalan/pasport pelajar untuk simpanan dokumentasi. Petugas desasiswa menulis maklumat bilik pelajar di atas surat tawaran dan perlu memastikan pelajar telah menulis nombor telefon bimbit mereka.

4

#### LANGKAH 04

Pelajar diberi kunci bilik dan beredar ke bilik penginapan.

## 9.0 PAKAIAN DAN PENAMPILAN

Semua siswa mestilah mematuhi **etika pakaian** yang ditetapkan oleh Universiti. Pada dasarnya siswa mestilah berpakaian bersih, kemas, bersopan dan sesuai dengan keperluan dan keadaan pada setiap masa. **Tanda nama** yang akan diberikan **mestilah** dipakai sepanjang Program Siswa Lestari.

### 9.1 Pakaian Majlis Sambutan Siswa

Berikut ialah etika pakaian semasa Majlis Sambutan Siswa:

#### Lelaki

- i. Kemeja berwarna **CERAH** ber lengan panjang, berseluar *slack* berwarna gelap dan bertali leher.
- ii. Kasut bertutup berwarna gelap dan berstokin (Selipar dan sandal tidak dibenarkan).

#### Perempuan

- i. Baju Kurung, Kebaya atau blaus berwarna **CERAH** ber lengan panjang, kain atau skirt di bawah paras lutut
- ii. Berkasut (Selipar tidak dibenarkan).

### 9.2 Etika Pakaian Siswa di Pelbagai Lokasi dalam Kampus Sepanjang Pengajian

Semasa siswa berada di dalam kampus sepanjang pengajian bagi mengikuti kuliah, tutorial, tempat permainan, pejabat dan sebagainya, siswa **DIWAJIBKAN** untuk mematuhi kod etika pakaian yang ditetapkan seperti jadual berikut

PAKAIAN	TEMPAT ATAU LOKASI
<p><b>Pakaian Kemas</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Kemeja lengan pendek atau panjang</li> <li>➤ Baju Kot (jika ada)</li> <li>➤ Tali leher</li> <li>➤ Seluar panjang bukan jenis Jeans</li> <li>➤ Pakaian seragam</li> <li>➤ Bersepatu – bukan jenis yang dipakai semasa bersukan</li> <li>➤ Pakaian tradisional (termasuk Sut Melayu dan bersongkok, ‘Cheongsam’, ‘Saree’ dan sebagainya)</li> </ul>	<p><b>Tempat Rasmi</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>➤ Majlis rasmi</li> <li>➤ Temujanji dengan Pegawai atasan Universiti di pejabat</li> <li>➤ Mesyuarat-mesyuarat peringkat universiti</li> <li>➤ Urusan rasmi di pejabat</li> <li>➤ Bangunan Canselor</li> </ul>

**Pakaian Separuh Kemas**

- Baju T berkolar
- Seluar jenis Jeans
- Jaket yang sesuai
- Bersepatu (kasut)

**Tempat Separuh Rasmi**

- Dewan Kuliah/Bilik Tutorial/Makmal
- Perpustakaan
- Pusat Sejahtera
- Kafeteria
- Bangunan Canselori

**Pakaian Sukan**

- Baju T tanpa kolar atau berkolar
- Jaket sukan
- Seluar sukan yang bersesuaian
- Berkasut sukan
- Topi atau alat sukan dan keselamatan yang lain

**Tempat Bersukan**

- Padang
- Gimnasium
- Stadium
- Mana-mana tempat sukan dan rekreasi di dalam Universiti

**Pakaian di Makmal, Bengkel atau Studio**

- Kot makmal
- Pakaian yang sesuai untuk studio dan bengkel
- Bersepatu dan peralatan keselamatan yang diperlukan

**Siswa Pusat Pengajian Sains Farmasi:**

- Kemeja lengan pendek atau panjang
- Seluar Slack
- Berkasut – bukan jenis yang dipakai semasa bersukan
- Kot Makmal
- Blouse yang bersesuaian (Perempuan)
- Skirt yang melebihi paras lutut (Perempuan)
- Baju Kurung (Perempuan)

**Makmal, Bengkel atau Studio**

- Bertugas di Makmal, Bengkel, Studio dan lain-lain
- Siswa tahun akhir yang menjalankan latihan di Hospital USM

**Pakaian Tidak Kemas**

- Baju tanpa lengan
- 'Mini skirt' di atas paras lutut atau seluar pendek (Perempuan)
- Baju yang mendedahkan atau menjolok mata
- Selipar (dibenarkan pada waktu petang atau malam di kafeteria dan tempat tidak formal)
- Bertindik telinga atau mana-mana bahagian muka dan tubuh (Lelaki)
- Lelaki berambut panjang mencecah kolar
- Rambut berwarna ganjil (kuning, hijau, biru, ungu, merah dan sebagainya)

**Tidak Dibenarkan Dalam Kampus  
(Rujuk Poster Etika Pakaian)**



Aktiviti Sukan



Majlis Rasmi



Kuliah dan Urusan Pejabat



Pakaian yang Dilarang



Aktiviti Santai

## 10.0 HEBAT DEVELOPMENT CENTRE

### 10.1 AGENDA HEBAT

Agenda H.E.B.A.T merupakan satu anjakan dalam sistem pengajian USM yang memberi tumpuan kepada lima elemen anjakan iaitu *Holistic* (Holistik), *Entrepreneurial* (Keusahawanan), *Balanced* (Seimbang), *Articulate* (Artikulasi), dan *Thinking* (Berfikir). Selain Artikulasi, A juga dilambangkan sebagai Akhlak iaitu menunjukkan kelakuan dan tingkah laku yang baik. Agenda ini diharap mampu melahirkan Insan H.E.B.A.T berintegriti tinggi yang memenuhi kehendak pasaran semasa dan mampu memimpin negara mahupun dunia.

Agenda ini diperkenalkan bagi membentuk, membangun dan memperkasa sahsiah bakal graduan USM melalui penglibatan dalam program akademik berkredit (seliaan Bahagian Akademik dan Antrabangsa) dan aktiviti bukan akademik (seliaan Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni) yang saling berkait antara satu sama lain sebagai satu sistem bersepadu yang menyeluruh, dan bukan sekadar menyentuh aspek tertentu sahaja.

Daripada lima elemen anjakan ini, tiga elemen iaitu H.E.B merupakan anjakan yang telah diadaptasi melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025 (PPPMPT 2015-2025), USM telah menambah dua lagi elemen iaitu A.T bagi melahirkan Insan H.E.B.A.T yang mampu memacu tiga elemen pertama secara artikulasi iaitu pernyataan idea atau perasaan terutamanya dengan kata-kata tetapi melalui teknik berfikir yang berkesan.

Lima elemen ini telah diperincikan kepada lima belas atribut seperti jadual glosari di bawah. Lima belas atribut yang perlu digilap oleh semua siswa/i USM sebagai persediaan menghadapi dunia pekerjaan selepas menamatkan pengajian dan bergraduasi. Kesemua atribut H.E.B.A.T ini diterapkan dalam proses pengajaran, pembelajaran, pemantauan dan penilaian melalui program akademik berkredit dan aktiviti bukan akademik yang dijalankan dalam tempoh pengajian.

ELEMEN ANJAKAN	NO.	ATRIBUT	GLOSARI & TERMA RUJUKAN USM
Holistic (Holistik)	1	Kerja Kumpulan	Calon menunjukkan keupayaan bekerjasama, bertoleransi, menyumbang secara aktif kepada matlamat kumpulan secara sukarela dan memastikan/menjaga hubungan positif.
	2	Kepimpinan	Calon menunjukkan sikap keterbukaan, proaktif, kebolehpercayaan dan profesional dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah sebagai ketua.
	3	Pembelajaran Sepanjang Hayat	Calon mempamerkan sifat ingin tahu, menggunakan pelbagai pendekatan dalam mencari ilmu baharu memahami ilmu diluar bidang pengajian asal pelajar sebagai nilai tambah. Berkongsi atau menghasilkan ilmu tersebut untuk rujukan orang lain.
Entrepreneurial (Keusahawanan)	4	Minda Keusahawanan	Calon bijak/mahir mengenalpasti peluang perniagaan, menunjukkan kemahiran menyediakan rancangan perniagaan, pembentangan idea perniagaan, membentuk model perniagaan dan cara mengendalikan perniagaan.
	5	Kemahiran Keusahawanan	Calon menunjukkan keupayaan, mengatur sumber, mewujudkan jaringan, mengusahakan perniagaan dan mencipta nilai untuk perniagaan tersebut.

Balanced (Seimbang)	6	Nilai, Sikap & Kemanusiaan	Calon menunjukkan sifat proaktif, sanggup berkorban jati diri yang tinggi, bermoral, penampilan yang positif, berdikari, rendah diri dan empati.
	7	Etika & Profesional	Calon menunjukkan sifat bertanggungjawab, menjalankan hubungan kerja yang positif, etika kerja yang baik, berintegriti dan berintegrasikan.
	8	Pemikiran Sainifik	Calon menunjukkan kemahiran menilai, memilih, membentuk dan menjana idea/konsep/ pemahaman yang konkrit/ baharu berasaskan ilmu.
	9	Apresiasi Seni	Calon menunjukkan keupayaan pemikiran artistik dan apresiasi seni (Contoh: Dalam Projek Tahun Akhir, Produksi, Persembahan, Pertandingan).
Articulate (Artikulasi)	10	Komunikasi	Calon menunjukkan keupayaan untuk menyampaikan atau berkongsi idea dan perasaan dengan berkesan.
	11	Keyakinan	Calon menunjukkan keyakinan terhadap kemampuan diri, kemahiran dan pengalaman sendiri untuk meningkatkan potensi diri dan mengurus diri dalam pelbagai keadaan.
Thinking (Berfikir)	12	Pemikiran Kritis	Calon menunjukkan keupayaan intelektual untuk mengkonseptualisasikan, menggunakan, menganalisis, mensintesis dan/atau menilai maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber seperti pemerhatian, pengalaman, refleksi, pemikiran atau komunikasi sebagai panduan kepada kepercayaan dan tindakan.

	13	Pemikiran Kreatif & Inovatif	Calon berkebolehan / berkeupayaan untuk mencipta, mewujudkan dan menghasilkan sesuatu yang baharu melalui kemahiran imaginasi dan mencari jalan untuk menghasilkan produk atau perkhidmatan yang lebih baik melalui pengubahsuaian / penambahbaikan.
	14	Penyelesaian Masalah	Calon menunjukkan kemampuan mengenalpasti dan menyelesaikan masalah, menyediakan alternatif isu/kesulitan/kemusykilan/kerumitan dan melaksanakan penyelesaian yang terbaik.
	15	Minda Global	Calon menunjukkan keupayaan untuk menyerap maklumat, menghormati dan menghargai tradisi serta norma budaya antarabangsa. Dapat mengkonseptualisasikan pendekatan yang berkesan dalam mewujudkan komunikasi, jaringan dan kerjasama dalam persekitaran global.


Program/Aktiviti di bawah Agenda H.E.B.A.T atau dikenali dengan HEBAT *Flagship Programmes* (HFP) direka secara dinamik bermula dengan Tahap Pembudayaan (kompetensi berbentuk pengetahuan asas), Tahap Pengukuhan (program/aktiviti perkongsian Ilmu), Tahap Pengupayaan (penghasilan idea/produk) dan Tahap Pemantapan (penghayatan sebagai contoh teladan (*role-model*)). Kerangka ini diselaraskan dengan Agenda Akademik USM dan Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainability Development Goals* (SDGs))

